

**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)  
PEJABAT WILAYAH IV, MADA, KOTA SARANG SEMUT**

**KENYATAAN SEBUTHARGA**

**SEBUTHARGA NO. LKPM 4002/12**

1. Sebutharga daripada Kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dengan kelas F [Kepala 1, Sub Kepala 7(b)] dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan diterima di Pejabat Wilayah IV, MADA Kota Sarang Semut sehingga jam 12.00 TENGAHARI pada 26 September 2012, untuk:-  
  
Sebutharga No. : **LKPM 4002/12**  
Tajuk Sebutharga : **Menaiktaraf Ban Kanan Kepada Batu Pecahan di Blok Pengairan SCRBD 5, Kg. Titi Batu, Lokaliti F-IV, Wilayah IV, MADA, Kedah Darul Aman.**  
Status Sebutharga : **Untuk Kontraktor Bumiputera sahaja**  
Harga Borang : **RM 10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ringgit Sahaja)**
2. Semua butir dan dokumen tawaran boleh didapati di **PEJABAT WILAYAH IV, MADA, KOTA SARANG SEMUT.**
3. Sebutharga mestilah dikemukakan dalam Borang Sebutharga yang boleh didapati di Pejabat Wilayah IV, MADA, Kota Sarang Semut. Sebutharga mestilah dimasukkan di dalam SAMPUL SURAT BERMETERI dengan menulis No. Sebutharga tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN yang disediakan di Pejabat Wilayah IV, MADA, Kota Sarang Semut, sebelum daripada waktu tutup penerimaan sebutharga ini.
4. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.
6. Lawatan ke tapak pembinaan diwajibkan.
7. Kontraktor-kontraktor yang berminat untuk memasuki tawaran sebutharga ini dikehendaki berkumpul di Pejabat Wilayah IV, MADA, Kota Sarang Semut pada waktu dan tarikh yang ditetapkan seperti di bawah.
8. Kontraktor dikehendaki mengisi borang yang akan diedarkan selepas sesi taklimat. **Hanya satu (1) borang akan diberi kepada setiap kontraktor dan ianya hendaklah diisi dan perlu diserahkan kepada pegawai taklimat.** Sila bawa bersama salinan sijil pendaftaran PKK dan CIDB semasa taklimat dan salinan asal semasa membeli borang sebutharga tersebut di atas.

Hari

Tarikh

Jam

Khamis

13 September 2012

9.00 Pagi

Tarikh : ..... 5/9/2012 .....

.....  
Tandatangan Pegawai  
Jawatan **MOHD. ZAHIR BIN SHARIFF**  
Timbalan Pengurus Wilayah IV (Teknikal)  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)